

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB. KHALIQ MEHTAB BIN MOHD ISHAQ**

4. Apakah langkah-langkah proaktif kerajaan melalui LKIM untuk memastikan harga ikan di pasaran sentiasa stabil? Ini kerana ada masanya harga ikan kembung melambung mencecah hingga RM 18.00 sekilogram dan pada bulan Mac RM 1.00 sekilogram.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk menstabilkan harga ikan di pasaran adalah seperti berikut:
  - (a) Melaksanakan Program Pasar Nelayan bagi mengurangkan penglibatan orang tengah dan meningkatkan margin keuntungan kepada nelayan. Perkara ini juga dapat memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan hasil laut yang segar dengan harga yang berpatutan;
  - (b) Melaksanakan Program *Q'Fish* yang merupakan penjenamaan semula kepada Program Ikan Rakyat yang diperkenalkan pada tahun 2013 sejajar dengan matlamat LKIM untuk memastikan bekalan ikan sentiasa mencukupi dan mewujudkan stok simpanan ikan segar beku. Program ini melibatkan penyertaan daripada persatuan nelayan yang terpilih dalam pembekalan dan pengedaran *Q'Fish* ke outlet yang dikenal pasti. Pelantikan pembekal adalah bagi tujuan mengawal harga dan memastikan kualiti ikan mencapai *standard* yang ditetapkan dengan harga siling yang ditetapkan oleh LKIM; dan

- (c) Melaksanakan Program Pusat Pengumpulan & Pengedaran Ikan (CCDC) melalui penyediaan pusat sehenti untuk mengumpul hasil perikanan daripada nelayan dan pengusaha akuakultur tempatan. Persatuan Nelayan menjalankan aktiviti pemasaran ikan secara terus kepada peniaga supaya harga yang ditawarkan di pasaran lebih berpatutan.